



**Anan C** (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Mohd Fauzi dalam majlis menandatangani MoU UPM-JAWHAR, baru-baru ini.

## UPM, JAWHAR kukuh kerjasama institusi wakaf

“  
PENYELIDIKAN  
BERSAMA DALAM  
WAKAF SEPERTI ISU  
KONTEMPORARI,  
SERANTAU DAN  
GLOBAL DIHARAP  
DAPAT MEMBERI  
MANFAAT KEPADA  
MASYARAKAT”

**Datuk Anan C Mohd,**  
Ketua Pengarah JAWHAR

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) bekerjasama dengan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) untuk membangunkan institusi wakaf dengan lebih berkesan.

Ketua Pengarah JAWHAR, Datuk Anan C Mohd, berkata kerjasama itu ialah dalam bentuk penyelidikan, latihan profesional, penerbitan, penganjuran persidangan dan seminar dari semasa ke semasa.

"Penyelidikan bersama dalam wakaf seperti isu kontemporari, serantau dan global diharapkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat," kata-

nya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) UPM-JAWHAR di sini, baru-baru ini.

Kerjasama itu membuka peluang kepada kedua-dua pihak menerokai bidang wakaf, zakat dan haji/umrah khususnya penerokaan sumber baru yang dapat memberi manfaat kepada umat Islam.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata UPM telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Dana Wakaf Ilmu yang mendapat soko-

ngan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

"Melalui dana ini, sumbangan akan membiayai keperluan aktiviti akademik dan keilmuan untuk faedah semua warga kampus," katanya.

Kejayaan UPM dalam Dana Wakaf Ilmu telah menarik minat JAWHAR untuk menjalinkan kerjasama bagi membantu mereka sebagai badan induk yang bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri mewujudkan institusi wakaf yang berkesan bagi membantu untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Islam di Malaysia.